



## SIARAN MEDIA

### AKPK BERSAMA SME CORP. MALAYSIA DAN TEKUN NASIONAL UNTUK MEMPERKASA EKOSISTEM INDUSTRI PMKS NEGARA

**Untuk Penerbitan dan Edaran Segera**

---

**Kuala Lumpur, 14 Februari 2023** – Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menandatangani memorandum persefahaman bersama Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) dan TEKUN Nasional baru-baru ini.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman ini diadakan di ibu pejabat AKPK yang terletak di Menara Bumiputra Commerce, Kuala Lumpur. AKPK, SME Corp. Malaysia dan TEKUN Nasional diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif masing-masing, iaitu Azaddin Ngah Tasir, Rizal Nainy dan Dato' Adam Abd Ghani.

Turut sama hadir ialah mantan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Tuan Haji Abdul Razak Anwar.

Dalam majlis tersebut, Azaddin menzahirkan keyakinan bahawa kerjasama antara AKPK dan SME Corp. Malaysia serta TEKUN Nasional bakal memberi impak yang besar bagi memperkasa ekosistem industri PMKS terutamanya dari segi pengurusan kewangan dan pembangunan PMKS yang lebih menyeluruh, merangkumi pelbagai kepakaran yang dimiliki oleh AKPK, SME Corp. Malaysia dan TEKUN Nasional.

Rizal Nainy juga mengulas bahawa AKPK merupakan rakan strategik yang penting bagi melengkapkan ekosistem PMKS. Sebelum ini, AKPK telah memberi bimbingan serta khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan kepada bakal-bakal usahawan yang terlibat dalam program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)

anjuran SME Corp. Malaysia. Pada tahun 2022, sejumlah 5,928 sesi khidmat nasihat secara dalam talian telah dibuka kepada PMKS.

Selain itu, AKPK juga turut menjadi panel jemputan dalam Sesi Perkongsian Maklumat bersama PMKS anjuran SME Corp. Malaysia seperti *BizTalk* dan *Pocket Talk*.

Kepentingan AKPK sebagai rakan strategik juga disuarakan oleh Dato' Adam Abd Ghani yang melihat bahawa sinergi antara AKPK dan TEKUN Nasional akan memberi manfaat kepada peminjam TEKUN Nasional, terutamanya dari segi pengurusan kewangan yang lebih baik menerusi pendidikan kewangan dan program latihan yang disediakan oleh AKPK.

Bukan itu sahaja, AKPK juga menyediakan aplikasi web “MyBijakNiaga” yang telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha KUSKOP, Dato’ Seri Suriani Dato’ Ahmad, pada tahun 2022. Aplikasi web ini berfungsi untuk membantu usahawan PMKS merekod kewangan dengan mudah dan juga menyemak tahap kesihatan kewangan perniagaan mereka.

Selain bimbingan dan pendidikan kewangan kepada usahawan PMKS, AKPK turut menyediakan Program Pengurusan Kredit (PPK) yang memberikan perkhidmatan penjadualan semula pinjaman kepada usahawan PMKS yang menjalankan perniagaan tunggal. AKPK juga menyediakan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) yang memberikan perkhidmatan yang serupa kepada usahawan PMKS yang menjalankan perniagaan perkongsian mahupun syarikat.

Sehingga 31 Disember 2022, lebih 2,500 PMKS telah berjaya dibantu melalui PPK dan SPPK dan seramai 2,700 usahawan PMKS telah mendapatkan khidmat nasihat kewangan AKPK. Dalam waktu yang sama, AKPK telah mengadakan 96 program pendidikan kewangan untuk usahawan PMKS di seluruh negara.

Malah, usahawan PMKS di bawah TEKUN Nasional turut mendapat manfaat daripada AKPK apabila seramai lebih kurang 1550 usahawan mereka menghadiri program pendidikan kewangan AKPK, dan hampir 100 orang usahawan menyertai PPK yang disediakan.

Memorandum persefahaman antara AKPK dan SME Corp. Malaysia serta TEKUN Nasional ini dilihat tepat pada masanya di era pasca pandemik sebagai pemangkin kepada jalinan kolaborasi yang lebih meluas pada masa akan datang dan seterusnya dapat memperkasa segmen ekonomi PMKS negara.

Jalinan kerjasama ini meliputi bantuan pengurusan kredit, khidmat nasihat kewangan, pendidikan kewangan yang meliputi latihan dan pembangunan diri, penyelidikan bersama dalam skop kewangan dan keusahawanan, komunikasi korporat dan pemasaran bagi menyebarluaskan kandungan komunikasi dan promosi masing-masing secara bersama termasuk penglibatan dalam aktiviti jangkauan seluruh negara.

Usaha sama AKPK dengan kedua-dua agensi penting dan berprofil tinggi ini merealisasikan pendirian AKPK bahawa pemerkasaan industri PMKS negara memerlukan sokongan bersepadu daripada semua pihak bagi menghasilkan usahawan-usahawan PMKS yang berfikiran kreatif dan inovatif serta berkeperibadian unggul berbekalkan dana perniagaan yang cukup serta ilmu dan sokongan pengurusan kewangan yang mantap.

Tamat.

## **AKPK Secara Ringkas**

AKPK menawarkan perkhidmatan Pendidikan Kewangan yang boleh diakses oleh semua individu isi rumah dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Perkhidmatan ini boleh diakses melalui Portal POWER! yang menyediakan pelbagai modul pendidikan kewangan dan juga Pusat Sumber yang menyediakan pelbagai bahan pembelajaran kewangan—semuanya boleh didapati dalam talian melalui tapak web AKPK. AKPK turut menawarkan taklimat pengurusan kewangan kepada organisasi swasta dan awam.

Selain itu, AKPK turut menawarkan perkhidmatan nasihat kewangan kepada mereka yang mempunyai masalah bayaran balik pinjaman dan menawarkan bantuan melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) untuk individu, dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) untuk PKS dan perusahaan mikro. Melalui program dan skim ini, AKPK membantu merangka cadangan pelan bayaran balik pinjaman mengikut keupayaan semasa peminjam/pelanggan dengan persetujuan institusi kewangan yang terlibat.

Semua khidmat nasihat kewangan dan pengurusan kredit AKPK adalah percuma dan tiada ejen atau pihak ketiga yang dilantik untuk berurusan dengan orang ramai bagi pihak AKPK. Orang ramai dinasihatkan agar terus menghubungi AKPK dan tidak terpedaya dengan tawaran perkhidmatan yang disertakan dengan bayaran/caj tambahan oleh pihak ketiga yang mengaku sebagai ejen AKPK.

Maklumat mengenai pengurusan kewangan termasuk panduan dan pautan ke semua perkhidmatan AKPK boleh didapati dengan melayari laman-laman media sosial rasmi AKPK seperti @AKPKofficial di Facebook, Instagram, Twitter, dan yang terkini, TikTok dan LinkedIn.

Pautan akses ke perkhidmatan dan sumber maklumat, termasuk pendidikan kewangan (Portal POWER! dan Pusat Sumber) boleh didapati di tapak web AKPK. Layari [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my).

## **Perhubungan Media AKPK**

### **Cik Sazlin Zainal Abidin**

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat

Telefon	: <b>03-2610 5525</b>
Telefon Bimbit	: <b>012-343 0502</b>
E-mel	: <a href="mailto:sazlin.za@akpk.org.my">sazlin.za@akpk.org.my</a>
Laman Web	: <a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a>
Facebook	: AKPKofficial: <a href="https://www.facebook.com/AKPKofficial">https://www.facebook.com/AKPKofficial</a>
Instagram	: AKPKofficial: <a href="https://www.instagram.com/akpkofficial">https://www.instagram.com/akpkofficial</a>
YouTube	: AKPKofficial: <a href="https://www.youtube.com/akpkofficial">https://www.youtube.com/akpkofficial</a>
LinkedIn	: AKPKofficial: <a href="https://www.linkedin.com/company/akpkofficial">https://www.linkedin.com/company/akpkofficial</a>
Twitter	: AKPKofficial: <a href="https://twitter.com/AKPKofficial">https://twitter.com/AKPKofficial</a>
TikTok	: AKPKofficial: <a href="https://www.tiktok.com/@akpkofficialmy">https://www.tiktok.com/@akpkofficialmy</a>
Talian Am AKPK	: <b>03-2616 7766</b>

### **En. Mohamad Khalil bin Jamaldin**

Pengurus Khas Perhubungan Awam, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Telefon	: <b>03-2610 5520</b>
Telefon Bimbit	: <b>012-219 2344</b>
E-mel	: <a href="mailto:khalil@akpk.org.my">khalil@akpk.org.my</a>
Laman Web	: <a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a>
Facebook	: AKPK official: <a href="https://www.facebook.com/AKPKofficial">https://www.facebook.com/AKPKofficial</a>
Instagram	: AKPKofficial: <a href="https://www.instagram.com/akpkofficial">https://www.instagram.com/akpkofficial</a>
YouTube	: AKPKofficial: <a href="https://www.youtube.com/akpkofficial">https://www.youtube.com/akpkofficial</a>
LinkedIn	: AKPKofficial: <a href="https://www.linkedin.com/company/akpkofficial">https://www.linkedin.com/company/akpkofficial</a>
Twitter	: AKPKofficial: <a href="https://twitter.com/AKPKofficial">https://twitter.com/AKPKofficial</a>
TikTok	: AKPKofficial: <a href="https://www.tiktok.com/@akpkofficialmy">https://www.tiktok.com/@akpkofficialmy</a>
Talian Am AKPK	: <b>03-2616 7766</b>

## **SME Corp. Malaysia Secara Ringkas**

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

**Perhubungan Media SME Corp. Malaysia**

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tel : 1300-30-6000

Faks : 603-2775 6001

E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

Laman web: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Strategik**

**(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)**

**Tel : 03-27756203 atau 016-3322121**

**E-mel : [rozaila@smecorp.gov.my](mailto:rozaila@smecorp.gov.my)**

## **TEKUN Nasional Secara Ringkas**

TEKUN Nasional merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang ditubuhkan pada 9 November 1998. Peranan TEKUN Nasional adalah menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan informal dan mikro Bumiputera serta masyarakat India untuk memulakan dan memajukan perniagaan. Selain itu, TEKUN Nasional juga menyediakan peluang perniagaan, peluang menjana pendapatan, khidmat bimbingan dan sokongan serta jaringan usahawan.

Sehingga kini, TEKUN Nasional mempunyai 170 pejabat cawangan di seluruh negara meliputi 222 kawasan parlimen. Untuk maklumat lanjut mengenai TEKUN Nasional, sila layari [www.tekun.gov.my](http://www.tekun.gov.my).

### **Perhubungan Media TEKUN Nasional**

Pn. Noor Haslinda Md Arshad

Pegawai Perhubungan Awam

TEKUN Nasional

Tel: 018-376 7769

E-mel: [haslinda@tekun.gov.my](mailto:haslinda@tekun.gov.my)